

Perkosa atas kubur



Mangsa yang ketakutan memberikan alasan hendak ke tandas sebelum menghubungi abang sepupunya untuk memaklumkan kejadian”

> Sumber polis

Remaja 14 tahun jadi mangsa lima lelaki, termasuk rakan baru dikenali empat hari lalu

Metro 18/11/12 MS 5.

>>Oleh **KALIDEVI MOGAN KUMARAPPA**

kalidevi@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Bahana mengikut ajakan rakan lelaki yang baru dikenali empat hari lalu, seorang remaja berusia 14 tahun dirogol bergilir-gilir lima lelaki di kawasan kubur di Jalan Kuari di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 1 pagi itu, remaja perempuan yang sudah tidak bersekolah itu didatangi dua rakan lelaki yang baru dikenali dekat kawasan rumah-

nya di Selayang dengan menaiki kereta mewah untuk dibawa berjalan-jalan.

Sumber polis berkata, akibat terpedaya dengan kemewahan yang dipamerkan dua rakan lelaki itu, remaja berkenaan menerima pelawaan itu sebelum dia dibawa ke sebuah kedai cuci kereta di Cheras di mana tiga lagi rakan lelaki terbabit menunggu di sana.

“Sebaik tiba di kedai cuci kereta itu, remaja berkenaan dibawa masuk ke pejabat premis itu untuk berbual-bual dan ketika itu, rakan lelaki yang dikenali mangsa me-

meluk sebelum mencabul remaja terbabit lalu menyatakan niatnya untuk mengadakan hubungan seks.

“Mangsa yang ketakutan memberikan alasan hendak ke tandas sebelum menghubungi abang sepupunya untuk memaklumkan kejadian dan lokasinya ketika itu,” katanya kepada Harian Metro, semalam.

Malangnya, katanya, sebaik remaja itu keluar dari tandas, kumpulan lelaki itu mengajaknya keluar dengan alasan menghantarnya pulang ke rumah.

Percaya dengan alasan itu,

dia mengikuti kumpulan lelaki terbabit namun mereka membawanya ke kawasan perkuburan di Jalan Kuari.

Katanya, kumpulan lima lelaki itu kemudian memperkosa remaja itu bergilir-gilir sebelum rakan lelaki mangsa membawanya ke rumahnya di Kampung Cheras Baru.

Beliau berkata, mangsa dirogol sekali lagi selepas diugut akan ditumbuk jika enggan menuruti permintaan teman lakinya. Bagaimanapun, ketika lelaki itu berehat, mangsa menghubungi abang sepupunya semula.

“Kira-kira jam 9 pagi, abang sepupu mangsa tiba di rumah berkenaan. Bagaimanapun, berlaku pergaduhan antara ibu rakan lelaki mangsa dengan abang sepupunya kerana wanita itu enggan menyerahkan anaknya kepada pihak berkuasa.

“Hasil maklumat orang awam, sepasukan polis tiba di lokasi kejadian sebelum menahan rakan lelaki mangsa yang berusia 18 tahun dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras untuk tindakan lanjut,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Je-

nayah Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Khairi Ahras ketika dihubungi mengesahkan kejadian dan siasatan sedang dijalankan untuk menjejaki empat rakan lelaki itu.